

22/04/2002

5,000 Pemuda Barisan berhimpun kutuk Israel

Ahmad Ghazali Musa

JOHOR BAHRU, Ahad - Lebih 5,000 ahli Pergerakan Pemuda Barisan Nasional (BN) dan rakyat pelbagai kaum berhimpun di kawasan tempat letak kereta di Selat Tebrau, di sini, hari ini, sebagai bantahan terhadap keganasan Israel di Palestin.

Perhimpunan tiga jam bermula jam 2 petang itu dianjurkan Pergerakan Pemuda Umno Johor dan turut disertai Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein.

Dalam ucapannya, Hishammuddin berkata, masyarakat dunia perlu bertindak segera menghentikan sikap bongkak Israel yang terus menumpahkan darah rakyat Palestin.

"Kita berkumpul di sini, menuntut keadilan untuk rakyat Palestin. Kami menuntut supaya pembunuhan kejam rakyat Palestin di kalangan kanak-kanak dan wanita dihentikan.

"Masyarakat antarabangsa perlu menghentikan segera perbuatan kejam Israel, yang tidak berhati perut sehingga sanggup menyekat bekalan perubatan daripada sampai kepada mangsa rakyat Palestin yang dizalimi.

"Kekejaman mereka (Israel) sehingga sanggup membunuh wanita dan kanak-kanak akan kita ingati," katanya.

Perhimpunan itu diakhiri dengan bacaan memorandum, yang antaranya menuntut Israel meninggalkan bumi Palestin, meminta misi damai di Asia Barat diteruskan dan pemimpin Israel, Ariel Sharon dibawa ke muka pengadilan sebagai penjenayah perang.

Pemuda Umno Johor akan menyerahkan memorandum membantah keganasan Israel itu kepada Hishammuddin untuk dikemukakan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi dipanjangkan ke PBB.

Pada perhimpunan itu, mereka membakar patung Sharon dan bendera negara itu. Deklamasi sajak turut diadakan dalam hujan lebat di tepi Selat Tebrau itu, termasuk oleh artis Aziz Singah dan penyair Pyan Habib.

(END)